

خطبة عيد الفطري

KHUTBAH AIDILFITRI

2022/1443H



Hari ini, kita menyambut Hari Raya Aidilfitri setelah menunaikan ibadah puasa Ramadan yang diwajibkan dan menjadi rukun agama Islam. Allah SWT mendidik kita melalui ibadah puasa supaya kita bersifat taqwa kepada Allah SWT, dengan mengikuti segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kalian berpuasa, sebagaimana diwajibkan ke atas umat yang lebih dahulu daripada kalian, tujuannya supaya kalian bertaqwa.” (Surah al-Baqarah: 183)

Allah SWT telah memilih bulan Ramadan yang mulia dengan penurunan al-Quran. Firman Allah SWT:

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ... ﴿١٨٥﴾﴾

“Bulan Ramadan itu diturunkan padanya al-Quran, menjadi petunjuk kepada semua manusia, keterangan-keterangan daripada petunjuk, dan membezakan antara yang perkara yang betul dengan yang salah...” (Surah al-Baqarah: 185)

Di sini menunjukkan bahawa al-Quran menjadi petunjuk bagi seluruh kehidupan manusia kepada jalan yang betul dan selamat di dunia sehingga akhirat, di samping mengetahui perkara yang salah dan sesat supaya ditinggalkan kerana akan menyebabkan binasa di dunia dan neraka di akhirat.

Allah SWT juga berfirman:

﴿أَلَمْ يَكُنْ لَكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ﴾

“Alif, Lam, Mim. (1); (Al-Quran) ini tiada syak lagi padanya petunjuk kepada orang-orang yang bertaqwa. (2)” **(Surah al-Baqarah: 1-2)**

Maka, tanda bertaqwa itu ialah menjadikan al-Quran sebagai petunjuk dalam semua perkara kehidupan kita di dunia sehingga kita meninggalkan dunia dan bertemu Allah SWT.

Oleh itu, berjaya atau tidaknya puasa yang kita amalkan dalam masa sebulan apabila kita membuktikan sifat taqwa dalam diri dengan menjadikan al-Quran itu petunjuk sepanjang perjalanan hidup kita.

Inilah juga petunjuk yang dinamakan hidayah yang kita minta daripada Allah SWT pada tiap-tiap rakaat sembahyang wajib dan sunat.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Rasulullah SAW telah berjaya menunjukkan cara beramal dengan al-Quran secara sempurna, sehingga berhasil mengubah perangai bangsa Arab yang sangat buruk dan jahat, selain tenggelam dalam maksiat dan dosa. Baginda turut berjaya menyatukan bangsa Arab yang berpecah sehingga berperang dan membunuh sesama mereka.

Apabila beramal dengan al-Quran mengikut tunjuk ajar daripada Rasulullah SAW, tiba-tiba mereka berubah menjadi bangsa yang baik perangainya dan bersatu padu dengan penuh kasih sayang bersama rahmat Allah daripada petunjuk al-Quran.

Bersama al-Quran, adanya perpaduan umat yang disebut oleh Allah SWT. Mereka selamat daripada celaka di dunia dan neraka pada Hari Akhirat. Mereka juga berjaya menjadi contoh dan teladan kepada seluruh manusia. Firman Allah SWT:

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ﴾^(١١٠)

“Kalian ialah umat terbaik kepada seluruh manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf dan menegah kemungkaran serta beriman kepada Allah...” (Surah Ali ‘Imran: 110)

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Umat Islam bangsa Arab yang beramal dengan petunjuk al-Quran yang diajar oleh Rasulullah SAW telah berjaya menarik berbagai-bagai bangsa lain di seluruh dunia memeluk Islam. Mereka kemudian menjadi umat Islam yang memimpin negara dan memerintah dengan adil kepada seluruh manusia.

Sehinggakan, orang bukan Islam yang tidak dipaksa memeluk Islam lebih rela menjadi rakyat kerajaan Islam yang adil kepada semua. Sifat adil kepada semua manusia ini juga menjadi sifat orang yang bertaqwa. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَاعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ﴾^(٨)

“Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kalian orang-orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Janganlah dengan sebab kebencian kalian kepada sesuatu kaum menyebabkan kalian tidak berlaku adil. Berlakulah adil kerana ia lebih hampir kepada taqwa, dan

bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui apa-apa sahaja yang kalian lakukan.” (Surah al-Ma’idah: 8)

Demikian juga, Islam berjaya menyatupadukan manusia pelbagai agama dan kaum dalam negara yang besar dan luas wilayahnya selama beberapa abad (lebih 1,000 tahun).

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Rumpun Melayu di Asia Tenggara memeluk Islam dan mendirikan kerajaan Islam selama beberapa ratus tahun. Sekarang, jumlah umat Islam di sini lebih daripada 300 juta, menjadi umat Islam paling ramai di dunia.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah!

Mengapa tiba-tiba umat Islam menjadi lemah pada zaman kita ini? Marilah kita menilik diri sendiri sebelum kita dihadapkan di mahkamah Allah SWT pada Hari Kiamat.

Ramai yang membaca al-Quran dengan betul, bahkan ramai yang menghafaz al-Quran dan banyaknya sekolah tahfiz. Namun, marilah kita sedar dan insaf bahawa petunjuk al-Quran masih banyak yang tidak diamalkan dan diikuti, hanya sekadar untuk ibadat membacanya sahaja.

Bahkan, umat Islam tiada kuasa politik setelah mereka dijajah oleh musuh-musuh Islam walaupun mereka berkata sudah merdeka dan penjajah asing tiada lagi.

Rasulullah SAW berjihad (berjuang dengan bersungguh-sungguh) bagi mendapat kuasa politik supaya berkuasa menjadikan al-Quran sebagai petunjuk kepada seluruh kehidupan manusia. Kemudian, disambung oleh para sahabat RA dan mereka yang setia beriman, sehingga umat Islam menjadi umat yang bersatu berpegang dengan al-Quran dan tunjuk ajar Rasulullah SAW.

Al-Quran tetap dipelihara dan dijaga oleh Allah SWT yang berfirman:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ﴾

“Sesungguhnya, Kami (Allah) yang telah menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memeliharanya.” (Surah al-Hijr: 9)

Di sini menunjukkan bahawa al-Quran tetap dipelihara oleh Allah SWT bersama segala ajarannya yang ditunjuki oleh Rasulullah SAW.

Adapun mereka yang meninggalkan petunjuk al-Quran akan menjadi lemah dengan maksiat dan berpecah. Keadaan ini sehingga menyebabkan mereka menjadi hina diperintah oleh kaum yang lain apabila meninggalkan kewajipan menjadikan umat Islam itu berkuasa mengikut janji Allah yang berfirman:

﴿وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمَنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ﴾

“Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman daripada kalian yang beramal soleh (mengikuti petunjuk al-Quran dengan sempurna), bahawa Allah akan menjadikan mereka orang-orang yang memerintah dan menjadikan agama (Islam) yang diikuti mereka yang diredai Allah itu

berkuasa dilaksanakan, lalu Allah menukar keadaan daripada dalam ketakutan kepada keamanan, dalam keadaan mereka memperhambakan diri kepada Allah sahaja tanpa syirik dengan sesuatu yang lain. Dan sesiapa yang kufur selepas itu (apabila meninggalkan Islam), nescaya mereka menjadi orang-orang yang fasiq." **(Surah al-Nur: 55)**

Ini merupakan amaran yang keras daripada Allah kerana meninggalkan kewajiban mendirikan kuasa kerajaan yang menjadikan al-Quran sebagai petunjuk semua cara hidup kita.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم،

﴿وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣﴾﴾

"Dan berpeganglah kalian semua dengan tali (agama) Allah dan janganlah kalian berpecah. Dan ingatlah akan ni'mat Allah kepada kalian, ketika kalian dahulunya bermusuh sesama kalian, lalu Allah menjinakkan hati kalian, maka dengan ni'mat-Nya kalian menjadi orang-orang yang bersaudara. Kalian dahulunya berada di tepi gaung neraka, lalu Allah menyelamatkan kalian daripadanya. Begitulah Allah menerangkan kepada kalian akan ayat-ayat-Nya (al-Quran) supaya kalian mendapat petunjuk." **(Surah Ali 'Imran: 103)**

بارك الله لي ولكم في القرآن الكريم وسنة الرسول الكريم. أقول قولي هذا وأستغفر الله لي ولكم ولجميع المسلمين والمسلمات، إنه هو الغفور الرحيم.

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

“Tidak beriman seseorang dalam kalangan kalian, sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana kasihnya kepada dirinya sendiri.” (Riwayat al-Bukhari 13)

Sehubungan itu, hendaklah lahir dalam hati setiap orang Islam perasaan sedih terhadap bala bencana dan kesusahan yang menimpa umat Islam di serata dunia, sama ada mereka yang ditimpa gempa bumi, dilanda peperangan, kemiskinan, kebuluran, juga wabak penyakit. Juga terhadap umat Islam yang sedang dijajah, dizalimi dan dibunuh serta ditindas sepertimana yang berlaku di Palestin, Iraq, Syria, Uyghur, Myanmar dan sebagainya.

Jika tidak mampu membantu mereka dengan wang ringgit dan tenaga, sekurang-kurangnya melalui doa dan munajat kepada Allah SWT supaya memberikan pertolongan kepada mereka dan membebaskan mereka daripada penderitaan dan kezaliman manusia yang dihadapi itu.

Muslimin dan Muslimat sekalian!

Pada hari yang mulia dan penuh barakah ini, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW yang telah menyampaikan Islam kepada kita setelah melalui berbagai bentuk jihad dan pengorbanan. Tanda kasih kita kepada Baginda SAW dirakamkan melalui ucapan selawat dan salam sebagai mematuhi perintah Allah dalam al-Quran:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

“Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya sentiasa berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang beriman ucapkanlah selawat dan salam ke atasnya dengan sesungguhnya-sungguhnya.”

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَذُنُوبَ وَالِدَيْنَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِبْغَارًا. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالنِّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالظُّلْمَ وَالظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ رُدِّ كَيْدَهُمْ عَلَيَّ نُحُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي غَزَّةَ، وَفِي الْعِرَاقِ، وَفِي سُورِيَا،
وَفِي كَشْمِيرِ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ قَوِّ عَزَائِمَهُمْ، واجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَثَبِّتْ أَقْدَامَهُمْ، وانصُرْهُمْ
عَلَى أَعْدَائِهِمْ.

اللَّهُمَّ آتِ أَنْفُسَنَا تَقْوَاهَا، وَزَكَّهَا أَنْتَ خَيْرٌ مِنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا. اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ
حَقًّا وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ. اللَّهُمَّ أَصْلِحْ سُلْطَانَنَا، وَأَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ
أُمُورِنَا، واجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِي مَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ
هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.